

# SEKILAS INFO

## PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO



### Pengiktirafan Certified Risk Manager (CRIM)

Tanggal 4 September 2024, Puan Dayang Zuliana binti Abang Abdul Rahman telah dianugerahkan gelaran profesional Certified Risk Manager oleh Lembaga Pengarah Akademi Pengurusan Risiko Malaysia. Anugerah ini diberikan kepada seseorang pakar dalam pengurusan risiko yang mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan dan pengurusan risiko dalam pelbagai sektor industri di Malaysia.



### Perbincangan QMS bersama CGS

Pada 5 September 2024, pihak SQRC telah mengadakan satu sesi perbincangan bersama Pusat Pengajian Siswazah (CGS) mengenai Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) yang merupakan satu langkah penting untuk memastikan penambahbaikan berterusan dalam pengurusan kualiti di peringkat pascasiswazah. Ianya bagi memastikan bahawa segala proses dan prosedur yang dilaksanakan di CGS adalah selaras dengan piawaian kualiti yang ditetapkan, dengan matlamat untuk mencapai hasil yang optimum dan memenuhi kehendak pelanggan atau pihak berkepentingan.

# PERBINCANGAN RISIKO SIGNIFIKAN BERSAMA PENGURUS RISIKO PTJ

Perbincangan Risiko Signifikan Bersama Pengurus Risiko PTJ (Pusat Tanggungjawab) adalah satu sesi penting dalam menguruskan dan mengenal pasti risiko yang boleh memberi kesan besar terhadap operasi dan pencapaian objektif sesebuah organisasi. Melibatkan Pengurus Risiko dalam perbincangan ini sangat penting kerana mereka bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai, dan mengurus risiko yang berpotensi menghalang kelancaran operasi dan mencapai matlamat strategik.

Ianya juga merupakan satu proses yang sangat penting untuk memastikan setiap PTJ dalam organisasi dapat mengenal pasti dan menguruskan risiko dengan berkesan, sekaligus memastikan operasi berjalan lancar dan matlamat organisasi dapat dicapai dengan lebih selamat dan efisien.



## UUM, Kedah

Kumpulan Kaji Selidik Kesedaran dan Pemahaman Pengurusan Risiko UA

## SIDANG KEMUNCAK RISIKO IPT 2024

Sidang Kemuncak Risiko IPT 2024 telah diadakan pada 23-24 September 2024 bertempat di UUM yang bertujuan untuk membincangkan, memperhalusi, dan berkongsi amalan terbaik dalam pengurusan risiko di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sidang kemuncak ini menyediakan platform untuk para pemimpin akademik, pengurus risiko, kakitangan pentadbiran, serta pakar industri berkumpul, bertukar idea, dan mencari penyelesaian kepada cabaran pengurusan risiko yang dihadapi oleh IPT di Malaysia atau di peringkat antarabangsa. Ia memberi tumpuan kepada pelbagai aspek pengurusan risiko yang relevan dengan dunia pendidikan tinggi.

Turut dilancarkan semasa program berlangsung adalah buku Pelaksanaan dan Amalan Pengurusan Risiko Universiti Awam di Malaysia.

# SOROTAN AKTIVITI



## **PENGURUSAN & PENTADBIRAN**

**Pengarah**, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Lee Nung Kion | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu & Puan Dayang Zuliana Abang Abd Rahman | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



STRATEGIC PLANNING, QUALITY  
& RISK MANAGEMENT CENTRE



# PROGRAM SQRC SEPT 2024

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Perbincangan QMS Bersama CGS	5 Sept 2024
2.	Perjumpaan bersama Pengurus Risiko (Risk Significant) - Sesi 1	9 Sept 2024
3.	Risk Register Review Bahagian Integriti	13 Sept 2024
4.	Sesi Perjumpaan Bersama Pejabat Bendahari Berhubung SP 2026-2030	18 Sept 2024
5.	Risk Register Review Fakulti Ekonomi dan Perniagaan	19 Sept 2024
6.	Sidang Kemuncak Risiko (anjuran MARISK) di UUM, Kedah	23 – 24 Sept 2024

# SEKITAR SAMBUTAN HARI MALAYSIA UNIMAS 2024



Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko  
Universiti Malaysia Sarawak  
Aras 3, Canselorai  
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia  
<http://www.sarc.unimas.my/>